

09 SEP 2002

Parlimen-Sumpah

OTHMAN ABDUL ANGKAT SUMPAH, HADI AWANG KETUA PEMBANGKANG BARU

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Anggota Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul yang memenangi pilihan raya kecil kawasan itu pada 18 Julai lepas, hari ini mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Rakyat yang baru.

Othman, 51, mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail sebaik sahaja Dewan Rakyat memulakan mesyuarat ketiga penggal keempat hari ini.

Dr Mohamed Zahir turut mengumumkan pelantikan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) sebagai Ketua Pembangkang yang baru menggantikan Allahyarham Datuk Fadzil Noor yang meninggal dunia pada 23 Jun lepas.

Othman ketika mengangkat sumpah, berjanji akan menumpukan taat setianya kepada negara.

"Saya dengan jujur, dengan sedaya upaya saya bahawa saya akan menumpukan taat setia saya kepada Malaysia dan melindungi serta mempertahankan perlembagaannya," katanya ketika upacara mengangkat sumpah itu yang turut disaksikan anggota Dewan Rakyat yang lain.

Beliau kemudiannya menerima ucapan tahniah daripada beberapa anggota penyokong kerajaan ketika melangkah ke tempat duduknya di sebelah anggota Parliman Kuala Selangor Mohamed Sayuti Said di barisan ketiga Bahagian E kedudukan anggota parlimen.

Othman, bekas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, memenangi kerusi Parlimen Pendang setelah menewaskan calon PAS Dr Mohd Hayati Othman dengan majoriti 283 undi pada pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanginya, Datuk fdzil Noor pada 23 Jun lepas.

Mohamed Zahir pula berharap Othman dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Parlimen dan negara melalui perkhidmatan yang cemerlang.

Sementara itu, Mohamed Zahir berkata Abdul Hadi telah menerima sokongan majoriti daripada anggota pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang.

Katanya dengan pelantikan itu, Abdul Hadi layak menerima kemudahan mengikut Seksyen 3 Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 mulai hari ini.

Pelantikan itu juga menyaksikan beberapa perubahan kecil daripada segi kedudukan anggota pembangkang di Parlimen.

Dewan Rakyat kini mempunyai 193 anggota dengan 152 daripada Barisan Nasional, 26 PAS, 10 DAP dan lima Keadilan.

Mohamed Zahir turut membenarkan Datuk Shahnnon Ahmad (PAS-Sik) bercuti daripada menghadiri mesyuarat sepanjang sesi persidangan kali ini.

Mesyuarat Dewan Rakyat dijadualkan berlangsung selama 38 hari bermula hari ini hingga 12 Nov depan manakala Dewan Negara pula dijadual bersidang mulai 11 hinga 28 Nov.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan dijadual membentangkan Belanjawan Negara 2003 di Parlimen pada 20 Sept ini.

-- BERNAMA

RZS RZS LAT